



DR Zul Azlin

# Pesakit psikiatri meningkat

PESERTA yang menghadiri Bengkel Masalah Psikologi Menurut Islam dan Perubatan Moden anjuran Masjid Al-Qurtubi.

## Masjid anjur bengkel masalah psikologi menurut Islam

Oleh Muhd Izawan Baharin dan Rizanizam Abdul Hamid  
am@hmetro.com.my  
Kuala Lumpur

**K**ebimbangan melampau (AD), kemurungan, serangan panik dan Gangguan Obsesif Kompulsif (OCD) penyakit psikiatri yang semakin menular dalam kalangan masyarakat, namun tidak ramai yang menyedarinya sehingga ia mengganggu kehidupan seseorang.

Justeru buat pertama kali, Masjid Al-Qurtubi, Taman Sri Segambut, di sini, menganjurkan Bengkel Masalah Psikologi Menurut Islam dan Perubatan Moden.

Bengkel itu dilaksanakan hasil inisiatif bilateral masjid, Syazwan Jaafar yang pernah menghadapi kecelaruan keresahan panik setahun sebelum sem-  
buh.

Syazwan, 35, berkata, sebagai bekas penghidap AD, beliau mendapati kesedaran terhadap penyakit itu sama ada daripada pesakit atau orang di sekelilingnya masih rendah.

"Penyakit ini semakin menular terutama di kawasan bandar besar dan pesakit walaupun secara fizikalnya kelihatan normal, jiwa mereka menderita.

"Apa yang paling dibimbangi ahli keluarga dan rakan tidak memahami pesakit sehingga mereka dituduh mengad-  
ngad dan mahu menarik perhatian. Perkara ini menyebabkan penderitaan pesakit bertambah teruk," katanya.

Beliau berkata, pihaknya mengambil inisiatif menganjurkan bengkel bagi membincangkan penyakit itu dan kaedah pe-

nyelesaian daripada sudut perubatan moden dan Islam.

Bengkel itu disertai 60 peserta dalam kalangan pesakit dan pengamal perubatan Islam bertujuan mendapatkan pendedahan ahli panel iaitu Pensyarah Kanan Perubatan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) Dr Zul Azlin Razali, ahli psikologi klinikal Khairul Azhar dan Syazwan.

Syazwan berkata, selain daripada kurangnya sokongan orang di sekeliling, ada segelintir doktor yang enggan merujuk pesakit kepada pakar psikiatri.

"Apabila pesakit disorang AD sehingga menganggap mereka akan mati, biasanya doktor di klinik menjadi rujukan pertama, malangnya ada juga pengamal perubatan itu yang hanya memberi ubat serta memint-  
dia pulang.

Sementara itu, Dr Zul Azlin berkata, terdapat empat komponen yang berinteraksi dengan penyakit psikiatri iaitu biologi, psikologi, sosial dan kerohanian.

"Biologi disebabkan kecelaruan bahan kimia dalam otak dipanggil dopamine dan serotonin manakala personaliti pula berkaitan cara setiap individu menangani tekanan serta bagaimana mereka dibesarkan.

"Sosial pula hubungan kita dengan masyarakat manakala kerohanian atau agama memberi kesan kepada setiap kehidupan individu," katanya.

Menurutnya, empat komponen itu saling berkait antara satu sama lain dan setiap pesakit memerlukan rawatan mengikut saranan pakar psikiatri.

